

# Tiga anggota polis direman disyaki terima rasuah RM3,000



**TIGA** anggota polis ditahan reman oleh SPRM kerana disyaki menerima rasuah berjumlah RM3,000.

**GEORGE TOWN:** Tiga anggota polis ditahan reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selama tiga hari bermula semalam kerana disyaki menerima rasuah berjumlah RM3,000, baru-baru ini.

Perintah tahanan reman tersebut dikeluarkan Majistret Mohd. Hadi Hakimi Harun di Mahkamah Majistret di sini.

Difahamkan, dua anggota polis itu berpangkat koperal masing-masing berusia 36 tahun dan 38 tahun dan seorang konstabel berusia 20 tahun.

Menurut sumber, kira-kira pukul 7.15 malam pada 20 Julai lalu, kereta peronda polis menahan seorang lelaki yang menaiki motosikal di Jalan Berapit,

Mengkuang, Bukit Mertajam.

Katanya, ketiga-tiga suspek membuat pemeriksaan dan mendapati cukai jalan motosikal dinaiki lelaki itu tamat tempoh selain dia turut memiliki sebungkus air ketum dan beberapa kotak rokok.

“Ketiga-tiga suspek ditangkap kerana disyaki menerima wang rasuah berjumlah RM3,000 daripada individu tersebut sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan ke atas kesalahan yang dilakukannya.

“Ketiga-tiga suspek ditahan oleh SPRM kira-kira pukul 7.25 petang semalam (kelmarin) di Pejabat SPRM Pulau Pinang,” katanya di sini, semalam.